



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1989
DR.4/1989

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1989. Tajuk ringkas.
2. Seksyen 2 Akta Kesatuan Sekerja 1959, yang dalam Akta ini disebut sebagai “Akta ibu”, adalah dipinda— Pindaan seksyen 2. Akta 262.
 - (a) dengan memasukkan, selepas sahaja takrif “employer” dalam subseksyen (1), takrif yang berikut:

“establishment” means any place of business or employment belonging to an employer and includes any division or branch thereof;” dan
 - (b) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan “particular” dalam perenggan (a) takrif “trade union” dalam subseksyen (1), perkataan “establishment,”.
3. Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan “particular” dalam subseksyen (1), perkataan “establishment,”. Pindaan seksyen 9.

Pindaan
seksyen 12.

4. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “a particular” dalam subseksyen (2), perkataan “establishment,”; dan
- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “that particular” dalam subseksyen (2), perkataan “establishment,”.

Pindaan
seksyen 15.

5. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “trade, occupation, industry or place of employment” di mana jua ianya terdapat dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan “establishment, trade, occupation or industry”.

Pindaan
seksyen 26.

6. Seksyen 26 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “in any” dalam subseksyen (1A), perkataan “establishment,”; dan
- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “in the” dalam subseksyen (1B), perkataan “establishment,”.

Pindaan
seksyen 28.

7. Seksyen 28 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “in any” dalam perenggan (b) subseksyen (1), perkataan “establishment,”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959.

2. *Fasal 2* bertujuan memberi takrif kepada istilah “establishment” dan meminda takrif “trade union” untuk memperuntukkan dengan nyata bagi penubuhan dan pendaftaran kesatuan-kesatuan dalam mana-mana establismen yang tertentu selain daripada kesatuan-kesatuan dalam tred-tred, pekerjaan-pekerjaan atau industri-industri yang tertentu.

3. Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan adalah pindaan kecil dan semata-mata merupakan pindaan-pindaan yang berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1535.]

